

MUKHRIZ MAT HUSIN, ENGU SHARIFUL AZNI dan RAJA NUR FAZNIE AIDA FOTO: ASRIL ASWANDI SHUKOR

Ribuan peserta gegar Dataran DBKL

(1 OGOS 2022) SINAR HARIAN, PG

Fun Walk Sinar Harian 16 disertai pelbagai lapisan masyarakat dan kaum

KUALA LUMPUR

Lebih 3,000 peserta Fun Walk Sinar Harian 16 hadir menggegarkan Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sempena ulang tahun akbar ini pada Ahad.

Lebih mengujakan apabila acara berjalan santai tersebut turut disertai pelbagai lapisan masyarakat berbilang kaum.

Ketua Pegawai Eksekutif Grup Sinar Karangkraf, Farah Hussamuddin berkata, beliau tidak menyangka acara tersebut mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada warga kota.

Jelasnya, ia secara tidak langsung membuktikan bahawa *Sinar Harian* mendapat tempat di hati masyarakat pelbagai kaum dan usia.

“Seperti kita sedia maklum, program yang diadakan ini adalah untuk meraikan ulang tahun *Sinar Harian* yang ke-16.

“Sebelum ini kita tidak dapat lakukan secara fizikal kerana

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Jadi, kita banyak buat aktiviti secara dalam talian.

“Sekarang bila semua dah kembali seperti biasa, kita bercadang turun ke lapangan. Jumpa dengan pembaca setia *Sinar Harian*.

“Alhamdulillah, dari segi sambutan memang sangat menggalakkan dan saya sendiri tidak sangka peserta mencecah lebih 3,000 orang,” katanya ketika ditemui pemberita pada Ahad.

Program berjalan secara santai sejauh lima kilometer itu turut dihadiri Ketua Pengarang Kumpulan Sinar Harian, Rozaid Rahman; Pengurus Tugas-Tugas Khas Kumpulan Karangkraf, Hashim Anang; Pengerusi Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim; Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Tuan Kamarul Arief Tuan Soh, Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar; Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dan Penaung Yayasan Yasmin, Datuk Sohaimi Shahadan serta Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Panjang, Datuk Mohd Imran



FARAH

ROZAID

Tamrin.

Antara aktiviti lain yang menarik ialah zumba daripada Kementerian Belia dan Sukan serta cabutan bertuah berbentuk

barang perkakas dapur dan rumah.

Badan korporat yang turut memberikan sumbangan dan tajaan ialah Starbucks, Bank Rakyat, Lotus, Mydin, Restoran Ali Maju, AEON Big serta Pusat Pakaian Hari Hari.

Dalam pada itu, mengulas mengenai Fun Walk Sinar Harian 16, Rozaid berkata, acara berlangsung pada Ahad adalah yang terbaik berbanding beberapa aktiviti diadakan sebelum ini.

“Saya berharap program seumpama ini diteruskan lagi untuk tahun akan datang,” katanya.

Bagi Ketua Jabatan



Peserta Fun Walk Sinar Harian 16 memulakan perjalanan sejauh lima kilometer kira-kira jam 7 pagi, Ahad.

Pemasaran Grup Sinar Karangkraf, Nik Justin Nik Mohd Ariffin, pihaknya menyediakan baju T-shirt edisi khas *Sinar Harian* kepada peserta terawal dan ia habis pada pulak 6 pagi.

“Walaupun ada antara mereka tidak sempat dapatkan baju ini, tetapi ramai tetap hendak serta dan bersama-sama meriahkan sambutan ulang tahun ke-16 *Sinar Harian*,” katanya.

Jelas Nik Justin lagi, sambutan kemuncak 16 tahun *Sinar Harian* ialah Finale Peraduan Kumpul dan Menang *Sinar Harian* secara langsung di semua platform *Sinar Harian* pada Ahad malam.